

Nama

Nama
Aktiviti 3

(a) Baca petikan dan jawab soalan yang diberikan.

Pilih yang Menjimatkan

Wah, periuk elektrik baharu!
Ibu, ini label apa?



Ini label kecekapan tenaga. Melalui label ini, kita boleh mengetahui kadar penjimatan penggunaan tenaga elektrik periuk nasi ini. Label ini dilekatkan pada kotak atau peralatan elektrik. Tahap penjimatan ditunjukkan berdasarkan jumlah bintang. Semakin banyak bintang, semakin jimat penggunaan tenaga elektrik.

Penjimatan elektrik akan membantu proses melestarikan alam sekitar. Penjimatan ini dapat mengurangkan penghasilan karbon dan pemanasan global. Oleh itu, alam sekitar akan lebih bersih.

1. Apakah fungsi label kecekapan tenaga?

2. Di manakah boleh kita lihat label tersebut?

3. Bagaimanakah tahap penjimatan elektrik ditunjukkan?

4. Berapa bintangkah penggunaan elektrik yang paling jimat?

5. Apakah kebaikan amalan penjimatan elektrik?

Aktiviti 5

Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.

Gunalah Bioplastik



Info

Bioplastik biasanya diperbuat daripada sisa kelapa sawit atau kanji daripada jagung dan ubi kentang.

1. (a) Bioplastik mudah diperolehi. } dan
(b) Bioplastik mesra alam.
2. (a) Bioplastik sangat sesuai. } kerana
(b) Bioplastik tidak mencemarkan alam.
3. (a) Bioplastik mudah terurai. } tetapi
(b) Plastik biasa sukar terurai.
4. (a) Bioplastik mudah dilupuskan. } serta
(b) Bioplastik boleh dijadikan baja.
5. (a) Sebagai pengguna, pilihan kita ialah bioplastik. } untuk
(b) Bioplastik melestarikan alam.
6. (a) Penggunaan bioplastik digalakkan. } supaya
(b) Alam kita tidak tercemar.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____



• Minta murid membina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal.

BT2: 31
5.3.2
(10)

35
KPM